



NO. SEBUT HARGA : PL/(S)78/2026(JPP)
TARIKH : 30 JUN 2026

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa untuk **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) / Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS)** dalam kod bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perolehan berikut:

Tajuk Perolehan	Gred, Kategori dan Pengkhususan kelas	Taklimat dan Lawatan Tapak	Tarikh dan Lokasi Penjualan / Harga Dokumen	Tarikh, Waktu Tutup Tawaran & Tempat Penghantaran Dokumen
PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PEMBERSIHAN KAWASAN PANTAI BEBULOH SERTA PERKHIDMATAN BERKAITAN UNTUK PERBADANAN LABUAN BAGI TEMPOH 24 BULAN	Berdaftar dengan MOF / PMS Kod Bidang : 221006 Sijil Pematuhan Cukai (TCC): STATUS: PATUH TAHUN SEMASA	<u>TAKLIMAT (WAJIB)</u> 6.7.2026 (9:00 pagi) Taklimat akan diadakan di Bilik Cemerlang, Tingkat 4, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan <u>LAWATAN TAPAK</u> Tiada	<u>TARIKH & LOKASI PENJUALAN</u> 10.7.2026 hingga 21.7.2026 (semasa waktu pejabat) Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 20.00 (tidak dikembalikan)	22.7.2026 (8.00 pagi - 12.00 t/hari) Peti Sebut Harga No. 1 Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Kontraktor dikehendaki mengemukakan Sijil Pendaftaran yang sah tempoh **berserta Satu (1) salinan** sijil dari **MOF / PMS** sebelum dibenarkan mengambil dokumen sebut harga.

(Tempoh Sah Sijil-Sijil Hendaklah Tidak Kurang 90 Hari Dari Tarikh Tutup Iklan Sebutharga)

Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak sebut harga. Kontraktor / Syarikat juga tidak dibenarkan mewakilkan pegawai lain selain daripada penama dalam sijil. Oleh itu, syarikat perlu membawa bersama sijil dan pengenalan diri semasa menghadiri taklimat / lawatan tapak.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau sebarang sebut harga. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab kontraktor sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat www.pl.gov.my.



PERBADANAN LABUAN

HARGA INDIKATIF JABATAN

**PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN
PEMBERSIHAN KAWASAN PANTAI BEBULOH SERTA
PERKHIDMATAN BERKAITAN UNTUK PERBADANAN LABUAN
BAGI TEMPOH 24 BULAN**

**NO. SEBUT HARGA/TENDER
PL/(S)78/2026(JPP)**

Harga Indikatif Jabatan bagi perolehan ini adalah
RM341,360.00

TEMPOH : 24 BULAN

1. Harga Indikatif Jabatan adalah merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Perbadanan Labuan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
2. Pihak Perbadanan Labuan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.